



TEKS UCAPAN

YBHG. DATIN SERI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI
PENGERUSI PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SEMPENA

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN TAZKIRAH
PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

21 MEI 2019 (SELASA), 8.30 HINGGA 11.30 PAGI
DI AUDITORIUM, ARAS 11,
AGENSI PENGUATKUASAAN MRITIM MALAYSIA

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH dan Salam
Sejahtera

Terima kasih kepada Yang Berusaha Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia **Datin Nor Laila binti Salleh** dan **Datin Dr. Siti Hanom binti Marjuni**, Timbalan-Timbalan Pengerusi PUSPANITA Kementerian Dalam Negeri (KDN);

Yang Berbahagia **Datin Sri Nursiah binti Mohd Tajol Arus**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil PUSPANITA Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selaku Pengerusi Biro Agama PUSPANITA Cawangan KDN;

Seterusnya barisan jawatankuasa dan ahli-ahli PUSPANITA KDN yang dikasihi sekalian.

Hadirat yang dihormati,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Khatam Al-Quran dan Tazkirah 2019/1440H peringkat Puspanita Cawangan KDN.

2. Saya menyambut baik usaha PUSPANITA Cawangan Kecil APMM yang sudi menganjurkan program ini yang mana ianya juga merupakan julung kalinya diadakan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM) sejak dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa seramai 120 orang warga PUSPANITA Cawangan KDN yang melibatkan semua PUSPANITA Cawangan Kecil telah mengambil bahagian dalam program tadarus Al-Quran pada kali ini yang telah dilaksanakan mulai 3 Mei 2019 dengan agihan juzuk mengikut jabatan/agensi masing-masing.

Hadirat yang dihormati sekalian,

3. Bersempena dengan bulan Ramadhan, atau 'bulan Tarbiyah' – iaitu bulan latihan bagi kita agar semua perkara dan kehendak hawa nafsu boleh dikawal demi untuk meningkatkan ketakwaan kita kepada Yang Maha Esa. Selain itu, adalah diharapkan usaha ini akan menyuburkan lagi minat membaca Al-Quran yang mendalam dalam kalangan ahli PUSPANITA secara keseluruhannya.

4. Penghayatan kepada isi kandungan ayat-ayat suci Al-Quran akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekati diri kepada Ilahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan. Ini kerana Al-Quran banyak mengajak dan menyeru manusia untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan. Seperti ayat Al-Quran yang pertama diturunkan kepada manusia yang bermaksud;

“BACALAH, DENGAN NAMA TUHANMU YANG TELAH MENJADIKAN KALAM. DIA TELAH MENCIPTAKAN MANUSIA DARI SEGUMPAL DARAH. BACALAH DAN TUHANMU LAH YANG MAHA PEMURAH, YANG MENGAJAR (MANUSIA) DENGAN PERANTARAAN KALAM. DIA MENGAJARKAN KEPADA MANUSIA APA YANG TIDAK DIKETAHUIINYA”. (SURAH ALALAQ: AYAT 1 HINGGA 5)

Muslimat warga PUSPANITA yang saya kasihi sekalian,

5. Seperti kita sedia maklum, pada hari ini kita sedang melalui fasa 10 malam kedua Ramadhan yang terdapatnya peristiwa turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w iaitu peristiwa Nuzul Al-Quran.

6. Manakala tidak lama lagi kita akan melalui pula fasa sepuluh malam terakhir. Sesungguhnya pada fasa ini terdapat satu malam yang lebih mulia dari seribu bulan iaitu Lailatul Qadar. Justeru, marilah kita bersama-sama merebut peluang dan ganjaran yang disediakan oleh Allah S.W.T dengan melipat gandakan amal ibadah, semoga amalan kebajikan yang kita lakukan sepanjang Ramadhan mendapat keredhaan-Nya serta berjaya mentransformasikan rohani dan jasmani kita menjadi seorang muslimat yang bertakwa.

Para hadirat yang dikasihi sekalian,

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya secara peribadi ingin merakamkan rasa syukur dan dengan rendah hati ingin memohon maaf di atas segala kekurangan. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa PUSPANITA KDN dan semua ahli PUSPANITA yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah melaksanakan majlis ini dengan jayanya. Semoga ukhuwah yang baharu berputik ini akan disemai subur untuk kita sama-sama menjayakan program yang akan datang. Akhir kalam,

Madrasah Ramadhan tibalah sudah
Dalam tak sedar juga ianya pergi
Kalam Al-Quran itu teramatlah indah
Moga menjadi pendamping diri.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.